

105 lagi positif, kes baru tertinggi dalam 16 hari

Malaysiakini

02 Mei 2020

Malaysia mencatatkan 105 kes Covid-19 baru, yang merupakan peningkatan kes harian tertinggi sejak 16 hari lalu.

Dalam sidang media hari ini, Ketua Pengarah Kesihatan Dr Noor Hisham Abdullah berkata kes baru itu terdiri daripada 11 kes import dan 94 kes jangkitan tempatan.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan yang sudah direkodkan ialah 6,176 kes.

Noor Hisham juga memaklumkan bahawa 116 pesakit lagi pulih, menjadikan jumlah keseluruhan yang sembuh 4,326 kes, atau 70 peratus.

Ini bermakna kes Covid-19 aktif di Malaysia setakat tengah hari tadi ialah 1,747 kes.

Daripada jumlah itu, sebanyak 31 pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 12 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Tiada kematian baru dilaporkan setakat tengah hari tadi dan jumlah korban kekal 103 atau 1.67 peratus daripada keseluruhan kes yang direkodkan.

Sementara itu, Noor Hisham memaklumkan bahawa terdapat 36 kes baru berhampiran kawasan pasar borong Selayang, dengan 35 daripadanya melibatkan imigran.

Terdapat 20 kes baru di Selayang Baru, dan empat di Selangor Mansion.

Enam daripada kes baru hari ini juga berasal dari sekolah tahfiz di Lanchang, Pahang, yang telah diklasifikasikan sebagai kluster baru.

Noor Hisham berkata, sekolah tahfiz berkenaan telah ditutup tetapi masih terdapat pelajar dan kakitangan yang tinggal di sana.

Justeru, katanya, ada kemungkinan sekolah tersebut akan diletakkan di bawah perintah kawalan pergerakan diperketatkan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/523694>